



PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR BIL. 1 TAHUN 2011

GELARAN DIRAJA JOHOR

1.0. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penggunaan Gelaran DiRaja Johor pada masa ini.

2.0. LATAR BELAKANG

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di dalam beberapa mesyuaratnya telah bersetuju menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dengan pesertaan Jumaah Majlis DiRaja Johor bahawa Gelaran DiRaja yang digunapakai pada masa ini adalah sebagaimana dibutirkan di bawah.
- 2.2. Keputusan Kerajaan ini dibuat berdasarkan peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 dan Adat Istiadat DiRaja Johor.

3.0. PELAKSANAAN

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dengan pesertaan Jumaah Majlis DiRaja Johor bahawa Gelaran DiRaja Johor adalah sebagaimana butiran berikut:

- 3.1. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim Disebut sebagai Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam ucapan serta persuratan, dan dibahasakan "Tuanku".

- 3.2. Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah
Disebut sebagai Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith dalam ucapan serta persuratan,
dan dibahasakan "Tuanku".
- 3.3. Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim
Tunku Mahkota Johor
Disebut sebagai Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dalam ucapan serta
persuratan, dan dibahasakan "Tunku".
- 3.4. Yang Amat Mulia Enche' Besar Hajah Khalsom binti Abdullah
(Paduka Bonda kepada DYMM Tuanku)
Disebut sebagai Yang Amat Mulia dalam ucapan serta persuratan, dan dibahasakan
"Puan".
- 3.5. Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Ibni Sultan Ibrahim
Tunku Temenggong Johor
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Temenggong Johor dalam ucapan serta
persuratan, dan dibahasakan "Tunku".
- 3.6. Yang Amat Mulia Tunku Abdul Majid Idris Ibni Almarhum Sultan Iskandar
Tunku Aris Bendahara Johor
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Aris Bendahara Johor dalam ucapan serta
persuratan, dan dibahasakan "Tunku".
- 3.7. Yang Amat Mulia Tunku Puan Zanariah Iskandar
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Puan dalam ucapan serta persuratan, dan
dibahasakan "Tunku Puan" atau "Tunku".
- 3.8. Yang Amat Mulia Tunku Puan Nora Ismail
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Puan dalam ucapan serta persuratan, dan
dibahasakan "Tunku Puan" atau "Tunku".
- 3.9. Yang Amat Mulia Paduka Puteri Tunku Aminah Maimunah Iskandariah binti Sultan
Ibrahim
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Aminah dalam ucapan serta persuratan,
dan dibahasakan "Tunku".
- 3.10. Yang Amat Mulia Paduka Putera Tunku Abdul Jalil Iskandar Ibrahim Ismail Ibni
Sultan Ibrahim
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Abdul Jalil dalam ucapan serta persuratan,
dan dibahasakan "Tunku".
- 3.11. Yang Amat Mulia Paduka Putera Tunku Abdul Rahman Hassanal Jeffri Ibni Sultan
Ibrahim
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman dalam ucapan serta
persuratan, dan dibahasakan "Tunku".

- 3.12. Yang Amat Mulia Paduka Putera Tunku Abu Bakar Mahmud Iskandar Ibrahim Ibrah
Sultan Ibrahim
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Abu Bakar dalam ucapan serta persuratan,
dan dibahasakan "Tunku".
- 3.13. Yang Amat Mulia Tunku Kamariah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum
Sultan Iskandar
Tunku Puteri Johor
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Puteri dalam ucapan serta persuratan, dan
dibahasakan "Tunku".
- 3.14. Yang Amat Mulia Tunku Besar Zabedah Aminah Maimunah Iskandariah binti
Almarhum Sultan Iskandar
Disebut sebagai Yang Amat Mulia Tunku Besar dalam ucapan serta persuratan, dan
dibahasakan "Tunku".

4.0. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' HAJI ABD. LATIFF BIN YUSOF)
SETIAUSAHA KERAJAAN
JOHOR

16 FEBRUARI 2011

SEMUA KETUA JABATAN NEGERI

SEMUA KETUA JABATAN PERSEKUTUAN

SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN

SEMUA KETUA BADAN BERKANUN